

**SENARAI PROJEK / PROGRAM PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN 2015-2016**  
**DI BAWAH KEMENTERIAN KEWANGAN**

	Tajuk	Fokus WPA 21			Objektif & Sasaran / KPIs	Keterangan Ringkas
		Dasar	Struktur Organisasi	Pelakuan Organisasi		
<b>KEMENTERIAN KEWANGAN</b>						
1	Projek Pemberigaan 2016			✓	<p><b>OBJEKTIF</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Meningkatkan kesedaran mengenai produk dan peranan Kementerian Kewangan yang memainkan peranan dalam EODB</li> <li>• Memberikan promosi meluas mengenai perkhidmatan - perkhidmatan yang disediakan oleh Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan di dalamnya</li> <li>• Memberiarkan maklumat-maklumat penting dan acara-acara yang telah / akan diadakan oleh Kementerian Kewangan dan Jabatan-Jabatan di dalamnya</li> <li>• Meningkatkan kefahaman orang ramai mengenai tatacara penting seperti proses pembayaran kerajaan</li> <li>• Meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan Kementerian Kewangan.</li> </ul>	<p>Projek Pemberigaan 2016 memberi fokus kepada produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan yang pro <b>Ease of Doing Business</b> yang disediakan oleh Kementerian Kewangan dan Jabatan-jabatan didalamnya. Projek ini diharapkan akan dapat membantu memberiarkan dan mempromosikan produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan yang sedia ada kepada orang ramai dan dapat digunakan dan dimanfaatkan sepenuhnya dengan baik.</p>
<b>BAHAGIAN HASIL</b>						
2	Pengecualian Cukai bagi Syarikat-Syarikat Yang Mempunyai Pendapatan Tidak Melebihi \$1 Juta			✓	<p><b>OBJEKTIF</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menggalakkan peniaga-peniaga terutama perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di Negara ini untuk mendaftar sebagai sebuah korporat di bawah Akta Syarikat-Syarikat, penggal 39, bagi meraih manfaat yang diberikan di bawah akta berkenaan dan bagi mengukuhkan entiti perniagaan mereka.</li> <li>• Mengurangkan beban cukai kepada PKS yang akan memudahkan mereka untuk merancang penggunaan alur tunai bagi memperkembangkan lagi perniagaan dan perusahaan mereka;</li> <li>• Sebagai usaha berterusan untuk mengurangkan kos perniagaan kepada PKS Negara ini, yang mana cadangan ini adalah selaras dengan langkah pindaan yang dilaksanakan pada bulan November 2014, tidak menghendaki syarikat-syarikat yang pendapatannya (revenue) pada sesuatu tahun tidak melebihi \$1 juta untuk menjalankan pengauditian ke atas pernyata kewangan mereka. Walaubagaimanapun, syarikat - syarikat yang tertakluk kepada pindaan ini masih dikehendaki untuk memfailkan pernyata cukai pendapatan mereka untuk rekod Bahagian;</li> <li>• Menggalakkan PKS untuk menyediakan pernyata kewangan yang lebih tepat dan 'reliable' yang diharap akan memudahkan mereka meningkatkan lagi tahap pengurusan syarikat mereka melalui penyedian maklumat yang betul. Penyedian pernyata kewangan yang 'reliable' juga akan dapat memudahkan lagi mereka untuk berurusan dengan pihak ketiga yang perlu menilai kekuuhan kewangan dan operasi syarikat, seperti pihak institusi kewangan, pelabur dan lain-lain.</li> </ul>	<p>Sebagai langkah berterusan menyokong usaha-usaha kerajaan dalam mempromosikan persekitaran perniagaan yang lebih kompetitif, strategi dalam mencapai dasar pro-business dan pro-investment di Negara Brunei Darussalam dan seterusnya memperbaiki pentadbiran dan operasi percuakan, Kementerian Kewangan telah menghadapkan cadangan bagi membuat pindaan dan tambahan ke atas Akta Cukai Pendapatan, Penggal 35 bagi mengecualikan cukai korporat bagi syarikat-syarikat yang memperolehi pendapatan atau jualan kasar (gross sales or turnover) tidak melebihi \$1 Juta.</p>

BAHAGIAN PENDAFTARAN SYARIKAT-SYARIKAT DAN NAMA-NAMA PERNIAGAAN					
3	Menyokong Pembangunan Sektor Perniagaan dan Pelaburan Termasuk Pengusaha Kecil dan Sederhana (SMEs)		✓	<p><b>OBJEKTIF</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Menyediakan satu sistem pendaftaran yang mudah, cekap dan mesra pengguna bagi pendaftaran semua jenis-jenis entiti perniagaan</li> <li>Menyediakan lebih banyak pilihan entiti perniagaan untuk peniaga-peniaga</li> <li>Melaksanakan pemberian kepada orang ramai secara berterusan</li> </ul>	Projek bagi menyokong pembangunan sektor perniagaan dan pelaburan termasuk pengusaha kecil dan sederhana (SMEs) merupakan satu projek untuk menyediakan suasana persekitaran perniagaan di Brunei Darussalam untuk menjadi lebih kondusif, mesra perniagaan dan mesra pelaburan. Dengan adanya projek ini, juga akan memberikan sumbangan yang lebih bermakna dan signifikan kepada perumbuhan ekonomi dan mendokong usaha-usaha bagi mempelbagaikan hasil ekonomi negara daripada terus bergantung sepenuhnya kepada sektor minyak dan gas.
4	Perlantikan Human Resource (HR) Ambassador Kementerian Kewangan		✓	<p><b>OBJEKTIF</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Sebagai pegawai penghubung (<i>focal person</i>) di antara KKW khususnya BPMS dengan Jabatan/Bahagian di dalam KKW dalam mendorong budaya latihan dan pembelajaran sepanjang hayat di peringkat individu dan organisasi di Kementerian ini</li> <li>Memastikan fungsi-fungsi pembangunan sumber manusia di Jabatan ini dan Bahagian masing-masing dilaksanakan sepenuhnya berpaduan dasar dan peraturan yang dikeluaran oleh Kementerian dari masa ke semasa.</li> <li>Membantu menyelesaikan dan seterusnya memperkesan lagi pemantauan serta memastikan pembangunan sumber manusia di Jabatan/Bahagian di dalam KKW dilaksanakan secara holistik</li> <li>Membantu dalam memperkenalkan dan menyelesaikan keperluan latihan di setiap Jabatan dan Bahagian yang berkenaan</li> </ul>	Ianya merupakan salah satu projek Seksyen Pembangunan Sumber Manusia, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia dan Hal Ehwal Korporat (BMSP-HEK) untuk memastikan proses kerja seksyen ini berjalan dengan cepat dan teratur. Dengan perlantikan HR Ambassador di setiap Jabatan dan Bahagian di dalam Kementerian Kewangan, memudahkan pegawai-pegawai seksyen PSM mendapatkan pegawai dan kakitangan untuk dicalonkan ke program-program latihan <i>in-house</i> kementerian ini.
5	Program Pembangunan Kepimpinan Kementerian Kewangan ( <i>Ministry of Finance-Leadership Development Program (Lead Program)</i> )		✓	<p><b>OBJEKTIF</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Membantu memupuk dan membentuk pegawai-pegawai yang berpotensi cemerlang untuk memegang jawatan-jawatan kanan di masa hadapan</li> <li>Menyediakan program pembelajaran dan pembangunan yang diperlukan dalam membentuk pemimpin yang berpotensi secara bersistematik dan holistik</li> <li>Melantik pegawai-pegawai yang berpotensi cemerlang (<i>high achievers</i>) dan layak untuk memegang jawatan yang lebih kanan pada masa yang tepat.</li> </ul>	Program ini merupakan salah satu kaedah dan inisiatif Kementerian Kewangan untuk memilih pegawai-pegawai yang berpotensi untuk dijadikan pemimpin di masa hadapan. Melalui program latihan ini ianya akan dapat mengasah bakat serta mengurangi jurang kompetensi yang ada bagi persediaan mereka memegang jawatan-jawatan yang strategik di Kementerian Kewangan.
6	Program Pembudayaan Konsep Organisasi Pembelajaran ( <i>Learning Organisation</i> ) di Kementerian Kewangan		✓	<p><b>OBJEKTIF</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Sebagai salah satu wadah untuk memperlengkapkan warga kerja Kementerian Kewangan dengan sebanyak ilmu pengetahuan yang boleh</li> <li>Sebagai satu wadah bagi Jabatan dan Bahagian memberiakan fungsi, peranan, perkhidmatan dan inisiatif terkini Jabatan/Bahagian masing-masing kepada seluruh warga kerja Kementerian Kewangan</li> <li>Sebagai satu wadah bagi memupuk budaya kreatif dan inovatif individu dengan mengongsikan ilmu pengetahuan diperolehi yang sama ada melalui program peningkatan kapasiti yang dihadiri mahupun bahan bacaan yang pernah dibaca.</li> </ul>	Program pembudayaan konsep organisasi pembelajaran diharap dapat membentuk budaya pembelajaran dan pengongsian ilmu yang berterusan di kementerian ini dan seterusnya tujuan murni program ini diadakan adalah bagi membina keyakinan dalam ' <i>public speaking</i> ' di kalangan warga kerja kementerian ke arah menggalakkan budaya kecermerlangan serta mewujudkan persekitaran berilmu di Kementerian ini.

JABATAN PERBENDAHARAAN					
7	Penubuhan Unit Persidangan		✓	<p><b>OBJEKTIF</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelaksanaan tugas yang lebih teratur, cepat dan berkesan mengambil kira tugas ini sebelumnya adalah dibawah Unit Tambang Bahagian Perkhidmatan Kewangan dan Perbekalan</li> <li>• Pemantauan ke atas pemilihan syarikat pelancongan yang memberikan harga yang terendah</li> <li>• Pemantauan / memastikan pembayaran ke atas tuntutan daripada syarikat-syarikat pelancongan dibuat mengikut TPOR untuk mengelakkan tunggakan pembayaran</li> </ul>	Satu Unit Baru iaitu Unit Persidangan telah ditubuhkan dibawah Bahagian Perkhidmatan Kewangan dan Perbekalan yang berperanan dalam memproses permohonan bagi urusan menghadiri mesyarat/persidangan/menjalankan tugas diluar negeri bagi pegawai dan kakitangan kerajaan
8	Penyediaan Baucer Pembayaran Menggunakan Sistem TAFIS Bagi Pembayaran Luar Negeri		✓	<p><b>OBJEKTIF</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Perlaksanaan tugas yang lebih efisien dan cepat dan mengurangkan proses kerja, iaitu kementerian dan jabatan hanya perlu menyediakan baucer pembayaran (TAFIS) dan Jabatan Perpendaharaan akan dapat terus membuat proses pembayaran</li> </ul>	Penyediaan baucer menggunakan sistem TAFIS bagi pembayaran luar negeri mula diperkenalkan pada Mei 2015 yang mana pada sebelum ini iaanya dilakukan secara manual oleh Kementerian dan Jabatan dan seterusnya dimasukkan ke dalam sistem TAFIS oleh kakitangan di Jabatan Perpendaharaan bagi proses pembayaran
9	Project Payroll Interim Solution		✓	<p><b>OBJEKTIF</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Dengan adanya sistem ini iaanya lebih mudah, efektif dan efisien serta mengurangkan proses kerja.</li> </ul>	Kementerian dan Jabatan dalam kategori "Online Payroll" telah boleh memasukkan data bagi bayaran gaji bulanan melalui sistem tanpa perlu hadir ke Jabatan Perpendaharaan untuk memasukkan kedalam sistem Gaji.
JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA					
10	Pembaharuan Ke Atas Proses Import Daging Halal		✓	<p><b>OBJEKTIF</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• mempercepatkan proses memberi kebenaran bagi permohonan permit impot daging halal ke Negara Brunei Darussalam</li> </ul>	Pembaharuan ini melibatkan kerjasama dan sefahaman antara agensi-agensi yang berkewajibanku iaitu Kementerian Hal Ehwal Usgama, Kementerian Kewangan, Kementerian Perhubungan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan yang terlibat memberi kebenaran bagi pengimporan daging halal. Pembaharuan yang dibuat ialah: <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tiada pemeriksaan di check points jika segel tidak rosak</li> <li>2. Pemeriksaan hanya akan dilakukan jika nombor segel tidak tepat</li> <li>3. Langkah-langkah didalam prosedur dikurangkan daripada 12 ke 7 langkah sahaja.</li> </ol>
11	Laman Portal Perdagangan Merentas Sempadan (TAB)		✓	<p><b>OBJEKTIF</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Untuk meningkatkan ketelusan perkhidmatan dengan menyalurkan maklumat dan menyediakan kemudahan kepada orang ramai mengenai perkara berhubung kait dengan aktiviti perdagangan merentas sempadan</li> </ul>	Laman portal merentas sempadan telah dibangunkan yang mana memaparkan maklumat-maklumat penting terutama bagi aktiviti impot dan eksport termasuk senarai kadar cukai, senarai ejen punggah edar, maklumat akta dan peraturan dan sebagainya. Borang-borang bagi urusan berkaitan juga dapat dimuat turun melalui link download
12	Penggunaan Group Email Dalam Proses Ekspot Methanol		✓	<p><b>OBJEKTIF</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Memudahkanca dan mempercepatkan proses pengekspotan methanol</li> </ul>	Pembaharuan dilaksanakan bermula 29 Februari 2016 mengenalkan penggunaan group email dalam proses ekspot methanol bertujuan untuk menyelaraskan proses permohonan pelepasan pelabuhan secara elektronik. Agensi-agensi yang terlibat menerima permohonan melalui group email yang mana dapat memudahkanca permohonan daripada pihak pengimpor tanpa perlu menghadapkan permohonan dalam format hardcopy. Makluman status permohonan diperolehi melalui saluran yang sama. Pembaharuan ini terbukti telah dapat mempercepatkan proses daripada 24 jam kepada 11 jam.

**TABUNG AMANAH PEKERJA**

13	Semua Pekerja Tempatan (Rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam) Yang Layak Untuk Menyertai Skim TAP dan SCP	✓		<b>OBJEKTIF</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Peratusan penduduk bekerja yang layak menyumbang ke dalam skim TAP dan SCP</li> <li>● Jumlah pekerja sendiri yang menyumbang ke dalam skim SCP</li> </ul>	Untuk memastikan penyertaan penuh pekerja tempatan termasuk golongan bekerja sendiri. Pekerja hendaklah mendaftar dan mencarum kedalam skim TAP dan SCP untuk persaraan mereka.
14	Meningkatkan Penyertaan Caruman Ahli Skim Secara Sukarela	✓		<b>OBJEKTIF</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Jumlah ahli TAP yang mencarum lebih tinggi daripada 5% gaji mereka</li> <li>● Jumlah ahli TAP yang menyumbang kepada skim SCP</li> </ul>	Untuk menggalakkan ahli untuk mencarum lebih daripada kadar mandatori yang sedia ada.
15	Simpanan Terkumpul Yang Mencukupi Untuk Memenuhi Jumlah Minimum Anuiti Persaraan	✓		<b>OBJEKTIF</b> <p>Jumlah anuiti berbanding dengan perbelanjaan minimum isi rumah per kapita</p>	Kertas kerja cadangan bagi skim yang lebih mampan dan jumlah anuiti yang mencukupi selepas persaraan